

Banci 2010 jadi input penting ke arah negara maju

2010/04/07

PUTRAJAYA: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 (Banci 2010) akan menjadi input yang amat penting dalam penggubalan dasar dan strategi pembangunan negara yang kini bergerak ke arah menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020, kata Unit Perancangan Ekonomi (EPU), hari ini.

Maklumat itu akan digunakan kerajaan dalam merangka rancangan pembangunan lima tahun dan juga penggubalan bajet tahunan negara, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop yang ditemui pemberita selepas menghadiri Majlis Taklimat kepada Media mengenai Banci 2010 di sini.

Banci 2010 akan dilakukan mulai 6 Julai hingga 22 Ogos tahun ini, yang akan membabitkan sembilan juta tempat kediaman atau kira-kira 29 juta penduduk Malaysia dengan anggaran 7.3 peratus adalah warga asing.

Banci kali ini adalah Banci kelima yang dijalankan sejak tertubuhnya Malaysia pada tahun 1963 di mana kali terakhir Banci dijalankan adalah pada tahun 2000.

Pembancian dijalankan ke atas semua penduduk di Malaysia yang telah atau akan tinggal di tempat tinggal biasa mereka bagi tempoh enam bulan atau lebih pada 2010.

Nor Mohamed berkata, maklumat mengenai tenaga kerja terutamanya mengikut negeri dan wilayah adalah penting dalam mempengaruhi perancangan kerajaan dan juga syarikat-syarikat swasta dalam menempatkan industri ke kawasan-kawasan tertentu.

Katanya, data penduduk digunakan untuk membuat perkiraan pendapatan per kapita negara yang dijadikan kayu pengukur kekayaan sebuah ekonomi negara.

Maklumat berkaitan bilangan penduduk bagi setiap negeri juga menjadi asas utama dalam pengagihan peruntukan oleh kerajaan persekutuan kepada negeri-negeri.

Nor Mohamed berkata, data banci penduduk adalah faktor utama yang menentukan jumlah pemberian geran per kapita kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk membiayai projek-projek seperti bekalan air dan pembinaan jalan.

Banci penduduk juga adalah input utama dalam menentukan unjuran penduduk dalam tempoh menengah dan jangka panjang.

“Jangkaan bilangan penduduk adalah penting bagi membuat unjuran mengenai saiz permintaan domestik negara, bilangan tenaga kerja serta kadar pengangguran negara,” katanya.

Unjuran-unjuran itu, katanya adalah asas penting dalam merangka strategi pembangunan ekonomi negara.

Jabatan Perangkaan yang menjalankan Banci 2010 turut memperkenalkan kaedah baru pembancian iaitu secara dalam talian.

Kaedah dalam talian adalah salah satu kaedah pembancian selain pembanci akan ke tempat kediaman untuk menemuramah semua penduduk bagi mendapatkan maklumat.

Selain daripada itu, penduduk boleh mengisi sendiri soal selidik dengan menggunakan soal selidik yang dibekalkan oleh pembanci.

Orang ramai boleh mengisi sendiri soal selidik secara dalam talian menggunakan ID dan kata laluan yang dibekalkan melalui laman web www.statistics.gov.my.

Seramai 26,000 pembanci sambilan dan 3,000 penyelia akan terbabit bagi Banci 2010. - Bernama
